

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan tentang tapak dan kawasan pelancongan yang paling menarik di Bandaraya Kuala Lumpur :-**

- (a) apakah keistimewaan Jalan Chow Kit, Jalan Petaling dan Little India; dan
- (b) adakah jenis makanan dan barang jualan di tempat itu sudah lama dipromosikan oleh Kementerian Pelancongan.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kuala Lumpur mempunyai pelbagai tapak dan kawasan pelancongan yang menarik dari segi sejarah, lanskap, senibina, budaya dan macam-macam lagi. Ketiga-tiga kawasan pelancongan yang dinamakan iaitu Jalan Chow Kit, Jalan Petaling dan Little India masing-masing merupakan pusat perniagaan dengan keistimewaan tersendiri yang menjadi tumpuan penduduk tempatan mahupun pelancong dari dalam dan luar negara.

**Jalan Chow Kit** merupakan salah satu ikon bagi Kuala Lumpur dan diabadikan dalam lagu "Chow Kit Road" dendangan Allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad. Lokasinya yang berdekatan dengan penempatan tradisional Melayu di Kampung Baru menjadikannya pusat perniagaan bagi barangan pasar basah dan kering serta lain-lain barangan seperti buah-buahan, emas, pakaian dan sebagainya.

Persekitaran Jalan Chow Kit juga termasuk dalam program pelancongan "Kampung Bahru *free guided tour*" anjuran Unit Pelancongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Program ini berlangsung secara percuma pada setiap hari Selasa, Khamis dan Ahad pada pukul 4.30 petang hingga 7.00 malam. Jalan Chow Kit juga dipromosikan oleh Batu Road Retailers Association (BARRA) sebagai zon membeli-belah di mana SOGO dan beberapa kedai di sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman telah menjadi tumpuan kunjungan pelancong.

**Jalan Petaling** atau *Petaling Street* turut dikenali sebagai "Chinatown Malaysia" dan merupakan kawasan penempatan kaum Cina di Kuala Lumpur sejak zaman kolonial British. Sejak bertahun-tahun lamanya Jalan Petaling telah menjadi kawasan perniagaan yang mengekalkan tradisi dan budaya masyarakat Cina di Kuala Lumpur, dengan kuil Buddha dan kedai menjual peralatan keagamaan, ubat tradisi dan kedai makanan. Satu daripada tarikan yang digemari pelancong adalah perniagaan bercorak bazar di situ yang turut menawarkan pelbagai barangan termasuk fesyen dan makanan tempatan. Pelancong yang hadir juga berpeluang tawar-menawar harga barangan yang diminati di sini.

Pada 17 Oktober 2009 kawasan Brickfields telah diisytiharkan secara rasmi sebagai **Little India**. Kawasan perniagaan dan penempatan bagi majoriti masyarakat kaum India ini menawarkan pelbagai barangan keperluan khusus kepada masyarakat India seperti sari, barangan keagamaan serta restoran makanan India.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Tourism Malaysia mempromosikan tempat-tempat tersebut menerusi penerbitan rencana tv, program-program lawatan suaikenal (mega fam) serta risalah-risalah pelancongan Kuala Lumpur.

Tempat-tempat ini sememangnya dianggap sebagai tempat pelancongan yang harus dilawati di Kuala Lumpur khususnya dan Malaysia secara amnya.

Sekian, terima kasih.